- Membantu para murid terutamanya daripada golongan B40 untuk mendapatkan ilmu menerusi saluran televisyen
- Meningkatkan semangat murid-murid untuk belajar walaupun berada di rumah kerana medium ini mempunyai cara tersendiri dalam memberikan pembelajaran kepada murid-murid

Masa siaran: 7:00 pagi hingga 12:00 tengah malam pada setiap hari

Saluran: DidikTV KPM boleh ditonton menerusi saluran 107 di MYTV, saluran 147 di ASTRO, dan saluran ntv7 di TV UNIFI.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan saluran khusus TV Pendidikan yang dikenal sebagai DidikTV KPM. **Saluran TV Pendidikan ini menyiar program pendidikan untuk pelbagai mata pelajaran sekolah. Program ini diterbitkan berteraskan kurikulum dan kokurikulum KPM. Murid-murid boleh menonton program yang disiarkan menerusi saluran 107 di MYTV, saluran 147 di ASTRO, dan saluran ntv7 di TV UNIFI. Masa siarannya adalah dari 7:00 pagi hingga 12:00 malam pada setiap hari. Inisiatif KPM dalam mewujudkan DIDIKTIV wajar dipuji kerana manfaatnya amat besar kepada golongan murid. Menerusi usaha ini, akses kepada pendidikan berkualiti bagi semua murid di seluruh negara dapat ditingkatkan. Selain itu, murid-murid terutamanya daripada golongan B40 dapat menimba ilmu menerusi saluran televisyen. Murid-murid juga akan lebih bersemangat untuk belajar walaupun berada di rumah kerana medium ini mempunyai cara yang tersendiri untuk menarik minat murid terhadap pembelajaran.**

KUASAI PBD Aspek Tatabahasa

SP 5.1.2 Memahami dan menggunakan kata adjektif jarak, pancaindera, ukuran, dan sifatan dengan betul mengikut konteks.

KUASAI Nota Pintas

Kata Adjektif

1. Kata adjektif ialah perkataan yang menerangkan sifat sesuatu kata nama atau frasa nama.
2. Kata adjektif terbahagi kepada beberapa jenis seperti yang berikut:
 - (a) **ukuran** – besar, lebar, pendek, panjang, nipis, tebal
 - (b) **sifat/keadaan** – sakit, sihat, baik, jahat, pandai, bijak

- (c) **bentuk** – bulat, bujur, leper, segi tiga, lurus
- (d) **waktu** – cepat, segera, baru, lewat
- (e) **cara** – sopan, berhati-hati, cermat, kasar
- (f) **jarak** – jauh, dekat, hampir, nyaris
- (g) **perasaan** – sedih, gembira, pilu, kasihan
- (h) **warna** – biru, merah, kuning, hijau
- (i) **pancaindera** – lazat, pahit, masin, masam



A Salin ayat yang diberikan semula dengan membetulkan kesalahan penggunaan kata adjektif.

1. Asraf murid yang paling terpandai dalam kelas Tingkatan Dua Usaha.

Asraf murid yang paling pandai dalam kelas Tingkatan Dua Usaha.

2. Rumah Delima diumumkan sebagai Rumah Sukan Terbaik kerana memperoleh mata yang tertinggi sekali.

Rumah Delima diumumkan sebagai Rumah Sukan Terbaik kerana memperoleh mata yang tertinggi.

3. Para peserta yang menyertai Pertandingan Olimpiad Matematik Kebangsaan hebat-hebat belaka.

Para peserta yang menyertai Pertandingan Olimpiad Matematik Kebangsaan hebat belaka.

4. Idham terpaksa menyiapkan kerja itu dengan tergesa-gesa kerana masa telah sedikit.

Idham terpaksa menyiapkan kerja itu dengan tergesa-gesa kerana masa telah suntuk.

B. Bina ayat yang lengkap dan betul dengan menggunakan kata adjektif yang diberikan.

sibuk

lewat

tebal

bernas

1. Sejak bergelar mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia, abang sibuk sekali menelaah pelajaran dan menghadiri kuliah.

2. "Jangan lewat jika kalian tidak mahu didenda oleh Cikgu Razali," kata Asyraf Aiman kepada rakan-rakannya.

3. Cikgu Nani meminta murid-muridnya menyiapkan tugas yang diberikannya itu dengan menggunakan kertas tebal.

4. Hilman memberikan pendapat yang berasal dalam perbincangan meja bulat bersama dengan rakan sekumpulannya.

Ilmu Penyuluhan Hidup

Buku Teks: ms. 21 – 26

KUASAI PBD Kemahiran Membaca

SP 2.2.1 Membaca untuk memahami makna rangka kata yang terdapat dalam pelbagai bahan menggunakan glosari dan kamus dengan betul dan tepat.

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, nyatakan maksud perkataan yang diberikan.

Pembelajaran dalam talian telah lama **dipraktikkan** di negara-negara maju kerana pembelajaran dalam talian ini dipercayai mampu memberikan pelbagai manfaat dan kebaikan. Seiring dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia bagi membendung penularan wabak COVID-19, kaedah pembelajaran dalam talian merupakan suatu keperluan. Kebanyakan institut pengajian tinggi termasuk sekolah-sekolah di Malaysia tiada pilihan lain kecuali menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara maya. Hal ini bagi memastikan **silibus** pengajaran dapat disampaikan dengan sebaik mungkin dan sesi pembelajaran tidak tertangguh.

Terdapat pelbagai jenis platform pembelajaran digital yang berpotensi dan banyak mempunyai ruang untuk dijelajahi seperti *Blackboard*, *Edmodo*, *Google Classroom*, dan *ClassDojo*. Bagi memastikan kaedah pembelajaran dalam talian yang berkesan, terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira seperti pembinaan kawalan persekitaran, kepentingan **interaksi** secara interaktif, latihan yang **efektif**, akses capaian teknologi yang maksimum, tahap piawaian yang standard, jaminan kualiti sumber yang tidak terhad, penentangan terhadap perubahan semasa dan teknologi, permasalahan yang berkaitan dengan harta intelektual dan hak cipta, serta sokongan institusi pendidikan yang menjalankan kaedah pembelajaran dalam talian.

Setiap pendidik harus memperkenalkan **metodologi** yang dapat membantu untuk meningkatkan kualiti proses pembelajaran dengan menyediakan **informasi** yang berguna dalam sistem pembelajaran dalam talian. Selain itu, pendidik dan juga institusi yang menjalankan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian perlu memastikan rangkaian sosial boleh dipercayai dan mampu untuk mengukur **prestasi** akademik sebenar selain memastikan jaringan keselamatan yang **terkawal** agar tiada isu kebocoran maklumat yang tidak wajar.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana COVID-19: Pembelajaran dalam Talian Suatu Keperluan ke Arah Menuju Malaysia Maju oleh Mohamad Idham Md Razak, Astro Awani, April, 2020)

Perkataan	Maksud
1. dipraktikkan	diamalkan
2. silibus	sukatan pelajaran
3. interaksi	hubungan
4. efektif	berkesan
5. metodologi	sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu aktiviti
6. informasi	maklumat
7. prestasi	hasil dan mutu yang diperoleh
8. terkawal	di bawah jagaan

KUASAI PBD Aspek Tatabahasa

SP 5.2.1 Memahami dan menggunakan kata ganda separa tunggal dan separa berimbuhan dalam pelbagai ayat.

KUASAI Nota Pintas
Kata Ganda


1. Kata ganda merupakan bentuk kata yang mengalami perulangan pada kata dasarnya.
2. Kata ganda terbahagi kepada tiga jenis, iaitu:
 - (a) **Gandaan penuh**, iaitu gandaan seluruh kata dasar tanpa perubahan bentuk kata. Contohnya, *kereta-kereta, anai-anai, kuda-kuda, dan duduk-duduk*.
 - (b) **Gandaan separa**, iaitu gandaan sebahagian kata dasar. Contohnya, *dedaun, jejentik,kekuda, dan lelangit*.
 - (c) **Gandaan berentak**, iaitu gandaan kata dasar mengikut rentak dan bunyi tertentu. Contohnya, *sayur-mayur, kucar-kacir, lalu-lalang, dan lintang-pukang*.

Gandakan kata dasar yang diberikan supaya menjadi kata ganda separa tunggal atau separa berimbuhan bagi melengkapkan ayat-ayat di bawah ini.

Bil	Ayat	Kata Dasar
1.	Ibu mengisi lelabu yang dibeli oleh ayah di Kuala Kangsar itu dengan air.	labu
2.	Telur nyamuk akan menetas menjadi jejentik dalam masa satu hingga tiga hari.	jenis
3.	Pak Kamal sedang membaiki tetupai tingkap yang sudah patah itu.	tupai
4.	Yasmin sentiasa berdoa mudah-mudahan dia diterima untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya.	mudah
5.	Aqmal mengangguk-anggukkan kepalanya sebagai tanda faham akan penjelasan Cikgu Fadli tentang kejadian tanah runtuh itu.	angguk
6.	Tetamu yang hadir di majlis rumah terbuka Encik Salim memuji keenakan masakan isterinya, Puan Salma.	tamu
7.	Para petani di kampung saya meletakkan orang-orangan di tengah sawah untuk menakutkan burung-burung.	orang
8.	Kedua-dua pasukan bola itu bermain mati-mati untuk menang bagi melayakkan pasukan mereka ke pertandingan akhir kejohanan dunia itu.	mati

>> Pendidikan Sivik : Nilai Bertanggungjawab

- Murid dapat menjelaskan kepentingan mencari ilmu pengetahuan.



KUASAI PBD

MODUL PENTAKSIRAN BILIK DARJAH
TINGKATAN 2
KSSM

PRAKTIS UASA

BAHASA MELAYU

SISTEM BAHASA

PEMAHAMAN

BAHAGIAN A

⚡ Pemahaman Petikan

BAHAGIAN B

⚡ Pemahaman Petikan

⚡ Novel

PEMINDAHAN MAKLUMAT

BAHAGIAN C

⚡ Ringkasan

⚡ Rumusan

KARANGAN

BAHAGIAN A

⚡ Karangan Respons Terhad

BAHAGIAN B

⚡ Karangan Respons Terbuka

SISTEM BAHASA



KUASAI Nota Pintas

Sistem Bahasa

- Dalam Ujian Akhir Sesi Akademik, soalan Sistem Bahasa terdapat dalam Soalan Kertas 1 ((02/1), Ujian Bertulis (Pemahaman), Bahagian A dan Bahagian B).
- Dalam **Bahagian A**, sebanyak **10** soalan diberikan. Semua soalan tersebut berbentuk objektif aneka pilihan (OAP).
- Dalam **Bahagian B**, sebanyak **4** soalan diberikan. Semua soalan tersebut berbentuk objektif pelbagai bentuk (OPB).
- Antara soalan yang dikemukakan dalam kedua-dua bahagian ialah aspek morfologi, frasa, sintaksis, dan peribahasa.
- Murid dikehendaki supaya menjawab semua soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B.

eP+ Praktis Ekstra
Sistem Bahasa

eP+ Peta Konsep
Golongan Kata

PRAKTIS 1 Kata Ganti Nama Diri

KUASAI Nota Pintas



Kesalahan Lazim Kata Ganti Nama Diri

- Murid menyalahgunakan kata ganti nama **ia** untuk binatang.
Contoh:
 Kucing itu mengiau kerana **ia** kelaparan.
 Kucing itu mengiau kerana kelaparan.
- Murid menjarakkan kata ganti nama diri singkat **ku**, **mu**, dan **kau** dengan kata yang menyertainya.
Contoh:
 (a) Novel itu masih ada pada **ku**.
 Novel itu masih ada padaku.
 (b) Baju batik memang untuk **mu**.
 Baju batik ini memang untukmu.

BAHAGIAN » A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

- "_____ sultan menitahkan tuan hamba menghapuskan lanun di perairan negeri ini," kata bendahara kepada Hang Tuah.
A Patik
B Baginda
C Beta
D Beliau
- Puan Lina dan keluarganya sedang bersiap-siap. _____ hendak ke melancung ke Melaka.
A Dia
B Kita
C Beliau
D Mereka
- "Pandai-pandailah _____ membawa diri di tempat orang," pesan nenek kepada Aqmal.
A kamu
B awak
C anda
D engkau
- "Saya pun hendak ke kantin. Elolah _____ pergi ke sana bersama-sama," kata Eisyah kepada Aleeya.
A kami
B aku
C kita
D mereka
- Perdana Menteri akan ke istana untuk menghadap Sultan Johor. _____ diiringi oleh Menteri Besar.
A Beliau
B Dia
C Kalian
D Mereka
- "_____ mesti menyerahkan tugas ini pada minggu hadapan," kata Cikgu Suria kepada murid-muridnya.
A Kamu
B Kalian
C Mereka
D Anda

PRAKTIS UASA 2

PEMAHAMAN

KUASAI Nota Pintas

Pemahaman

- Dalam **Bahagian A**, terdapat soalan pemahaman petikan, iaitu **satu petikan** berserta **5 soalan** objektif aneka pilihan (OAP) diberikan. Murid perlu membaca petikan dengan teliti, kemudian menjawab soalan-soalan yang berikutnya.
- Dalam **Bahagian B**, terdapat soalan pemahaman petikan dan novel. Semua soalan berbentuk subjektif respons terhad.
- Bagi soalan pemahaman petikan, dua atau tiga bahan berserta **3 soalan** diberikan.
- Bagi soalan novel pula, **1 soalan** diberikan.

BAHAGIAN » A

⚡ Pemahaman Petikan



Video Tutorial



Pemahaman Petikan

PRAKTIS 1 Prosa Tradisional – Pelanduk Mengajar Memerang



eP+ Praktis Ekstra

Prosa Tradisional

KUASAI Nota Pintas

Watak dan Perwatakan

- Watak – Pelaku dalam sesuatu karya yang menggerakkan cerita dengan cara berinteraksi sesama watak dan alam.
- Perwatakan – Pelukisan tentang watak dari aspek luaran dan dalaman. Pelukisan watak itu boleh dilakukan melalui aksi, tutur kata, atau watak-watak berkenaan.
- Dalam sesuatu cerita, terdapat watak utama, watak sampingan, watak bulat, watak dinamik, watak statik, watak pipih, watak protagonis, watak antagonis, dan watak bundar.

Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Adalah konon masa zaman Nabi Allah Sulaiman alaihissalam dengan **takdir** Allah Taala kepada masa itu semua binatang bercakap seperti manusia juga. Adapun Nabi Allah Sulaiman itu lima Perdana Menterinya, suatu menterinya daripada manusia, suatu menterinya daripada jin bernama Ifrit, suatu menterinya daripada **unggas**, dua menterinya daripada binatang landak dan pelanduk; di dalam lima Perdana Menteri yang arif bijaksana: pertama manusia, yang kedua landak, yang ketiga Syah Alam di Rimba, iaitu pelanduk; tetapi Syah Alam di Rimba itulah termasyhur arif bijaksananya.

Sebermula adalah suatu hari Syah Alam di Rimba pergi berjalan **menatapi** sekalian anak buah di dalam pemerintahannya. Berjumpalah ia suatu lubang tempat memerang, ada anaknya tujuh ekor. Anak memerang itu pun keluarlah daripada lubangnya bermain-main di situ. Syah Alam di Rimba pun datang menghampiri seraya bertanya, "Hai kanak-kanak, ke manakah pergi mak bapa kamu?"

Sahut anak memerang itu, "Mak bapa hamba sudah mencari ikan akan makanan hamba sekalian ini." Fikir Syah Alam di Rimba, "Itulah akan memerang ini, selalu sahaja ia membuat anaya ke atas ikan-ikan itu, *terlalu runsing hatiku* mendengar pengaduannya kepada Nabi Allah Sulaiman, jikalau begitu, baiklah aku perbuat pakatan pula dengan dia.

» Bestari Kata

- takdir** – ketentuan
- unggas** – segala jenis burung
- menatapi** – melihat

(Dipetik dan diubah suai daripada prosa tradisional 'Pelanduk Mengajar Memerang', antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)



...semua binatang bercakap seperti manusia juga.

1. Apakah gaya bahasa yang terdapat dalam petikan di atas?

A Simile	C Hiperbola
B Sinkope	D Personifikasi
2. Apakah bukti kebesaran kuasa Nabi Allah Sulaiman?

A Kerajaan yang luas	C Mempunyai rakyat binatang
B Memiliki Syah Alam di Rimba	D Menteri pelbagai jenis makhluk

3. Mengapa anak-anak memerang bermain-main di luar lubang tempat tinggal mereka?

A Mereka berasa bosan	B Ibu bapa mereka tiada
C Mereka ingin bertanding	D Menyambut kedatangan pemimpin mereka
4. Apakah maksud frasa *terlalu runsing hatiku?*

A Amat risau	C Amat gelisah
B Amat terasa	D Amat cemas
5. Nilai murni yang terdapat dalam perenggan terakhir petikan di atas ialah

A ketaatan.	C keberanian.
B kasih sayang.	D keadilan.

PRAKTIS 2 Cerpen – Banjir di Mata Emak

KUASAI Nota Pintas

Binaan Plot

Dalam sesebuah cerita, plot berkembang dalam empat peringkat:

- (a) **Pemulaan** – Bahagian pengarang memulakan cerita.
- (b) **Konflik** – Ditandai dengan kehidupan watak-watak yang mulai resah kerana menghadapi masalah.
- (c) **Klimaks** – Paling menarik dan saspens kerana segala permasalahan telah sampai kemuncak.
- (d) **Peleraian** – Bahagian pengakhiran cerita, iaitu semua masalah telah menemukan jalan penyelesaian.

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Adakah kedai yang masih dibuka dalam keadaan banjir telah **melepassi** paras tingkap rumah tingkat bawah, seperti yang saya lihat di kaca televisyen? Lebih buruk lagi, banjir kali ini telah *menelan dua nyawa*. Tapi adunya tadi, dia tidak turun ke dapur atau ke mana-mana.

"Mak takut ular."

Getar suaranya **menggegarkan** perasaan. Kalau dia takut hendak turun, tentu dia tidak pergi ke kedai. Tapi katanya tadi, makanan sudah habis. Jiran-jiran semua sudah berpindah ke pusat pemindahan. Cuma dia seorang yang tidak pergi. Kenapa begitu?

Saya langsung tidak berkesempatan menyebut **lanjut**. Mungkinkah dia sedang menunggu kedatangan anak lelakinya? Tetapi katanya, sudah tiga bulan anak lelakinya tidak menelefon bertanyakan khabar, apalagi pulang **menjenguk**.

Ke mana perginya tubuh yang menyimpan suara tua itu dalam banjir begini? Saya mendail sekali lagi, menunggu ke hujung deringan. Dia menjawab termengah-mengah. Juga masih tidak memberi ruang kepada saya.

"Mak solat zuhur tadi. Jangan bimbang tentang mak. Ikan kering ada, **cabai** kering pun ada. Kalau habis semua tu, mak makan nasi dengan garamlah. Jaga anak dengan suami kau baik-baik, assalamualaikum."

(Dipetik dan diubah suai daripada cerpen 'Banjir di Mata Emak', antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

» Bestari Kata

- **melepassi** – lalu
- **menggegarkan** – menggoncangkan
- **lanjut** – jauh
- **menjenguk** – menziarahi
- **cabai** – cili

1. Apakah maksud frasa *menelan dua nyawa*?

- A** Dua orang terkorban
- B** Dua orang bersabung nyawa
- C** Dua orang dapat diselamatkan
- D** Dua orang telah dipindahkan

Tapi adunya tadi, dia tidak turun ke dapur atau ke mana-mana

2. Teknik plot yang digunakan berdasarkan petikan di atas ialah teknik

- A** dialog.
- B** saspens.
- C** pemerian.
- D** imbasan kembali.

BAHAGIAN » B**Pemahaman Petikan**

Praktis Ekstra
Pemahaman
Petikan
PRAKTIS 1

Baca bahan-bahan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

"Jangan pandang rendah bidang ini, Alif. Bidang pertanian cukup menjanjikan. Awak dah ada modal... petak bendang itulah modalnya. Kita tidak perlu beli beras dari luar kalau kita serius usahakan tanah sendiri. Sekarang kita beli beras dari Thailand... kalau negara itu berdepan dengan **krisis**, misalnya banjir atau kemarau dan hasilnya terjejas, kita nak bergantung pada siapa pula?

"Bayangkan pula kalau nilai ringgit jatuh dan baht **melambung**, tentu teruk kita menanggung kos mengimport beras."


Pernyataan sekali gus kata-kata motivasi daripada mulut pegawai pertanian separuh usia itu dalam menuikik ke hati Alif. Dan patah kalimah pegawai yang berpengalaman itu yang seterusnya membuatkan dia berasa tambah seru dan bersemangat.

(Dipetik daripada cerpen *Menuai Emas*, antologi Baik Budi, Baik Bahasa, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

Bahan 2**Analisis Prestasi Tanaman Padi**

Sepanjang tempoh DPN1 sehingga DAN, **prestasi** pengeluaran tanaman padi menunjukkan peningkatan walaupun terdapat sedikit penurunan dalam tahun-tahun tertentu. DPN yang telah dijalankan masih belum berkesan untuk memastikan bekalan beras mencukupi kerana beras merupakan sumber makanan utama di Malaysia. Untuk menampung sumber beras yang tidak mencukupi dalam negara, negara terpaksa mengimport beras dari luar negara.

Untuk mengatasi masalah ini, kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah untuk mengatasi kos pengeluaran padi yang tinggi dengan memberikan **subsidi** seperti benih dan baja. Selain itu, kerajaan memperbaiki sistem pengairan dan saliran untuk tanaman padi, penggunaan jentera, dan penyatuan sawah-sawah kecil. Walau bagaimanapun, jumlah pengeluaran beras yang diperlukan masih belum dapat dicapai.



Pencapaian dan Unjuran Penggunaan Beras, 2000 – 2020 (Juta Tan Metrik)

» Bestari Kata

- **krisis** – keadaan tidak stabil yang berlaku secara tiba-tiba
- **melambung** – memuncak naik
- **prestasi** – hasil
- **subsidi** – bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan

1. Berdasarkan Bahan 2, nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan bekalan beras mencukupi.

memberikan subsidi seperti benih dan baja – memperbaiki sistem pengairan dan saliran untuk tanaman padi, penggunaan jentera, dan penyatuan sawah-sawah kecil

2. Berdasarkan Bahan 1, nyatakan **dua** nilai yang terdapat dalam petikan tersebut.

– berdikari
– rasional



3. Banyak generasi muda menganggap pertanian sebagai kerjaya yang dipandang rendah.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang berkesan untuk menggalakkan generasi muda ini menceburi bidang pertanian? **KETAHU** Menganalisis / Menilai

– pihak bank dan kerajaan memberikan pinjaman kepada generasi yang memenuhi syarat-syarat yang minimum – pihak media perlulah menyiaran iklan atau rencana tentang kepentingan bidang pertanian untuk tontonan umum

PRAKTIS 2

Baca bahan-bahan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

SARIKEI, 1 Jun – Kemeriahan sambutan perayaan Gawai Dayak yang bermula malam tadi bertukar **tragedi** bagi hampir 100 penghuni sebuah rumah panjang di sini apabila kediaman mereka musnah dalam kebakaran petang tadi.

Kebakaran kira-kira jam enam petang itu berlaku ketika penghuni Rumah Panjang Benan, Sungai Mugu di Muara Payang di sini, sibuk membuat persiapan untuk sambutan perayaan berkenaan. Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Sarawak, Farhan Sufyan Borhan, berkata pihaknya menerima panggilan pada jam 6.21 petang.

Beliau berkata, tujuh anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat **dikerahkan** ke tempat kejadian dengan menaiki bot yang memerlukan masa perjalanan lebih sejam dari Sarikei.

"Anggota bomba menghadapi **kesukaran** menempuh perjalanan menaiki bot menyusuri sungai dalam keadaan gelap. Setakat ini difahamkan tiada sebarang kecederaan yang dilaporkan, namun kami masih menunggu maklumat lanjut daripada anggota bomba di lokasi," katanya.

Sementara itu, Menteri Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Masyarakat berkata, pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarikei sudah diarahkan untuk **menghulurkan** bantuan kepada mangsa.

Bahan 2



Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di **Tingkatan 2**.

- (i) Jalan ke Puncak, karya Juri Durabi
- (ii) Meniti Impian, karya Osman Ayob
- (iii) Jejak MONPUS, karya Zulaiha Paikon
- (iv) Darah Titik di Semantan, karya Arman Sani



Video Tutorial



Novel
Meniti
Impian




PRAKTIS 1

Berdasarkan novel yang telah anda kaji, tulis **tiga** kelebihan watak utama dalam novel tersebut.

[Sila rujuk bahagian jawapan](#)

PRAKTIS 2

Berdasarkan novel yang telah anda kaji, jelaskan contoh peristiwa yang dapat menyokong tema novel yang telah ditetapkan.



[Sila rujuk bahagian jawapan](#)

**PRAKTIS 3**

Berdasarkan novel yang anda kaji,uraikan **tiga** persoalan yang terdapat dalam novel tersebut.

Sila rujuk bahagian jawapan

PRAKTIS 4

Berdasarkan novel yang anda kaji,uraikan **empat** pengajaran yang terdapat dalam novel tersebut.

Sila rujuk bahagian jawapan

PRAKTIS 5

Berdasarkan novel yang anda kaji,uraikan **satu** contoh peristiwa yang menunjukkan nilai murni yang diberikan.



Sila rujuk bahagian jawapan

PRAKTIS UASA 3

PEMINDAHAN MAKLUMAT

KUASAI Nota Pintas

Pemindahan Maklumat

1. Dalam Ujian Akhir Sesi Akademik, soalan Pemindahan Maklumat terdapat dalam Soalan Kertas 1 ((02/1), Ujian Bertulis (Pemahaman) dan merupakan soalan subjektif respons terhad.
2. Terdapat **satu** soalan dikemukakan, iaitu sama ada soalan **Ringkasan** atau **Rumusan**.
3. Markah yang diperuntukkan bagi bahagian ini ialah 15 markah.
4. Murid wajib menjawab soalan tersebut.

BAHAGIAN » C

Ringkasan

eP+ Praktis Ekstra
Ringkasan



Video Tutorial



Ringkasan

KUASAI Nota Pintas

1. Dalam aspek ringkasan, suatu petikan umum yang panjangnya kira-kira 250 hingga 300 patah perkataan diberikan.
2. Murid diminta untuk meringkaskan petikan tersebut tidak melebihi 100 patah perkataan.
3. Dalam penulisan ringkasan, murid perlu mengemukakan sekurang-kurangnya lima isi penting. Murid mestilah menjawab dalam satu perenggan dengan ayat yang gramatis.

i PANDUAN MENULIS RINGKASAN

1. Memahami petikan dan kehendak soalan

- (a) Membaca keseluruhan petikan dan fahami maksud keseluruhan petikan tersebut.
- (b) Cari kata kunci yang dinyatakan dalam arahan soalan.
Contoh: *Tulis sebuah ringkasan tentang punca-punca penderaan kanak-kanak dalam kalangan masyarakat.*

2. Menulis ringkasan

- (a) Gariskan isi-isi penting dalam petikan.
- (b) Berdasarkan isi-isi penting tersebut, binalah ayat-ayat anda sendiri.
- (c) Setiap isi penting itu ditulis dalam satu ayat sahaja.

- (d) Ayat-ayat yang digunakan hendaklah ringkas, tepat, dan padat.

- (e) Pemilihan kata yang tepat, ejaan, dan tanda baca yang betul berserta dengan penanda wacana yang sesuai akan menghasilkan penulisan ringkasan yang baik.

3. Menyemak ringkasan

- (a) Semak penulisan ringkasan setelah selesai menulis.
- (b) Buat pembetulan terhadap sebarang kesalahan tatabahasa, ejaan, dan tanda baca jika ada.
- (c) Pastikan panjang ringkasan tidak melebihi 100 patah perkataan.

• MODEL Ringkasan

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **punca-punca penderaan kanak-kanak dalam masyarakat**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Isu penderaan kanak-kanak dalam masyarakat kita bukanlah suatu perkara baharu. Penderaan bermaksud perbuatan memukul dan menyakitkan atau perbuatan yang mendatangkan kecederaan fizikal terhadap kanak-kanak terbabit. Selain itu, perbuatan seksual seperti merogol, meliwat, dan mencabul kehormatan juga merupakan satu lagi kategori penderaan kanak-kanak yang sering dilaporkan.

Bericara tentang isu ini, benak kita pasti diterjah oleh punca-punca yang memungkinkan gejala ini berlaku. Antara yang selalu diperkatakan adalah kurangnya kesedaran dalam kalangan masyarakat itu sendiri tentang fenomena ini. Sikap tidak ambil peduli atau sikap "tidak apa", selain tidak mahu dikatakan sebagai menjaga tepi kain orang menyebabkan mereka hanya menutup mata apabila berhadapan dengan isu penderaan kanak-kanak. Sikap ibu bapa yang menganggap anak-anak sebagai beban juga menjadi punca kes-kes penderaan. Kos sara hidup yang semakin meningkat menyebabkan perbelanjaan terhadap keperluan harian bertambah tinggi. Akibatnya, anak-anak dijadikan mangsa untuk melepaskan amarah atau mengurangkan tekanan yang tidak dapat dibendung lagi.



Begitu juga dengan sikap ibu bapa yang terlalu materialistik. Kesibukan mengejar kemewahan menyebabkan tanggungjawab menjaga anak-anak diserahkan bulat-bulat kepada pembantu rumah. Akibatnya, ada anak-anak yang didera oleh pembantu rumah sebagai tempat untuk melepaskan geram mereka kepada majikan. Faktor emosi ibu bapa yang tidak stabil juga merupakan antara punca perkara ini. Ibu bapa yang sentiasa sibuk dengan kerja atau menghadapi tekanan kerja yang melampau mudah hilang kawalan apabila berdepan dengan keranah anak-anak. Natijahnya, anak-anak didera dan dipukul sewenang-wenangnya.

Akhir sekali, ibu bapa atau golongan yang bermasalah dari segi mental turut berkecenderungan untuk mendera anak-anak. Pengalaman silam akibat didera sama ada secara fizikal atau seksual menyebabkan golongan ini menjadikan anak-anak sebagai mangsa. Secara keseluruhannya, isu penderaan kanak-kanak ini sememangnya amat serius dan perlu dibanteras.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada 'Penderaan Kanak-kanak', Dewan Siswa)

• MODEL Ringkasan Lengkap

Punca-punca penderaan kanak-kanak disebabkan sikap masyarakat yang kurang prihatin dan tidak mahu campur tangan dalam membendung fenomena ini. Selain itu, ada ibu bapa yang menganggap anak-anak membebankan kehidupan mereka. Untuk melepaskan tekanan, anak-anak didera. Selain itu, keghairahan ibu bapa mengejar kemewahan juga menyebabkan ada anak-anak menjadi mangsa dera pembantu rumah. Seterusnya, emosi yang tidak stabil memungkinkan ibu bapa mudah hilang kawalan sehingga sanggup mendera anak-anak mereka. Di samping itu, golongan yang menghadapi masalah mental berkecenderungan untuk melakukan penderaan terhadap kanak-kanak.

Rumusan



Praktis Ekstra
Rumusan



Video Tutorial



Rumusan

KUASAI Nota Pintas

Rumusan

- Dalam bahagian ini, murid diminta untuk menulis rumusan yang panjangnya tidak melebihi 100 patah perkataan.
- Semasa menulis rumusan, murid hanya perlu menulis isi tersurat sahaja tanpa menulis isi tersirat.
- Murid perlu menulis rumusan dengan memasukkan sekurang-kurangnya lima isi penting. Tulis rumusan dalam satu perenggan dengan ayat yang gramatis.



PANDUAN MENULIS RUMUSAN

- Memahami petikan dan kehendak soalan**
 - Baca dan fahami keseluruhan petikan.
 - Kenal pasti isi yang dibincangkan dalam petikan tersebut, contohnya kebaikan mengamalkan gaya hidup sihat.
- Menulis rumusan**
 - Garisi isi-isi penting dalam petikan.
 - Tulis setiap ayat dalam satu perenggan sahaja.
 - Gunakan ayat yang ringkas, tepat, dan padat.
- Menyemak rumusan**
 - Semak rumusan secara keseluruhan setelah selesai menulis.
 - Perbetulkan kesalahan tatabahasa, ejaan, dan tanda baca.
- Pastikan **panjang rumusan** tidak melebihi 100 patah perkataan.

• MODEL Rumusan

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Nilai murni merupakan amalan baik yang diamalkan oleh seseorang dan diterima baik dalam masyarakat. Penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat sangat penting untuk mewujudkan masyarakat yang hidup dalam suasana harmoni dan sejahtera.

PRAKTIS UASA 4

KARANGAN

KUASAI Nota Pintas

Karangan

- Dalam Ujian Akhir Sesi Akademik, soalan Karangan terdapat dalam Soalan Kertas 2 ((02/2), Ujian Bertulis (Penulisan)).
- Terdapat dua bahagian soalan Karangan, iaitu:
 - Bahagian A – soalan karangan subjektif respons terhad
 - Bahagian B – soalan karangan subjektif respons terbuka.
- Bagi Bahagian A, satu soalan dikemukakan. Murid mesti menjawab soalan ini.
- Bagi Bahagian B, tiga soalan dikemukakan. Murid mesti menjawab satu soalan sahaja.
- Markah keseluruhan yang diperuntukkan bagi bahagian ini ialah 40 markah, iaitu Bahagian A: 10 markah manakala Bahagian B: 30 markah.
- Tempoh ujian bagi soalan karangan ialah 1 jam 30 minit.

BAHAGIAN »A

Karangan Respons Terhad



Praktis Ekstra
Karangan
Respons Terhad



Video Tutorial



Karangan
Pendek

KUASAI Nota Pintas

- Soalan karangan respons terhad dikemukakan dalam pelbagai bentuk seperti rangkai kata yang mengandungi frasa idea, iklan, poster, gambar yang mengandungi frasa idea, dan sebagainya.
- Panjang karangan yang perlu ditulis adalah antara 50 hingga 80 patah perkataan.
- Murid dicadangkan supaya menulis karangan pendek ini dalam masa 15 minit sahaja.
- Murid dikehendaki untuk memahami maklumat dan menulis karangan berdasarkan maklumat yang diberikan.
- Baca kata kunci soalan agar murid memahami kehendak soalan.
- Murid harus menulis frasa idea yang diberikan dengan mengembangkannya dalam bentuk perenggan.
- Pendahuluan harus ditulis dalam ayat yang ringkas dan padat serta terdiri kira-kira 10 hingga 15 patah perkataan.
- Isi-isi yang dikemukakan hendaklah ada gabung jalin dengan penggunaan penanda wacana, jelas, menarik, dan matang.
- Murid hendaklah menulis penutup atau kesimpulan yang menggambarkan idea keseluruhan. Penutup atau kesimpulan ditulis sebaik-baiknya 8 hingga 15 patah perkataan.
- Pastikan tidak ada kesalahan ejaan dan tanda baca.

• MODEL Karangan Respons Terhad

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara **50 hingga 80 patah perkataan**.



Pemanasan
Global

**Kesan-kesan
pemanasan global
terhadap alam sekitar**

Kemusnahan flora	{	• banyak tumbuhan mati	_____
		• cuaca semakin panas	_____
Kemusnahan fauna	{	• banyak haiwan mati	_____
		• manusia kurang sumber makanan	_____
Glasier mencair	{	• meningkatkan aras laut	_____
		• sesetengah kawasan akan tenggelam	_____
Kemarau yang panjang	{	• pembentukan awan tidak berlaku	_____
		• udara menjadi kering	_____



(Pendahuluan) Kini, isu pemanasan global menjadi perhatian masyarakat seluruh dunia. Terdapat pelbagai kesan pemanasan global terhadap alam sekitar.

(Isi/Idea + Huraian + Contoh) Antara kesannya ialah pemanasan global menyebabkan kemusnahan flora. Pokok-pokok mati kerana cuaca panas yang melampau. Natijahnya, alam sekitar semakin panas. Selain itu, pemanasan global menyebabkan kemusnahan fauna kerana kekurangan habitat. Ikan-ikan semakin berkurangan kerana air semakin panas. Impaknya, manusia kekurangan makanan. Di samping itu, pemanasan global menyebabkan glasier mencair yang meningkatkan aras laut. Hal ini akan menyebabkan kejadian banjir besar dan menenggelamkan kawasan-kawasan rendah. Seterusnya, pemanasan global menyebabkan kemarau yang panjang. Hal ini dikatakan demikian kerana pembentukan awan untuk menurunkan hujan tidak berlaku. Akibatnya, udara menjadi kering.

(Penutup) Kesimpulannya, pemanasan global harus dipandang serius oleh semua pihak demi meningkatkan kesejahteraan masyarakat dunia.

PRAKTIS

PRAKTIS 1

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara **50 hingga 80 patah perkataan**.

Manfaat Teknologi Maklumat kepada Remaja

teknologi maklumat semakin penting – memperluas pengetahuan – maklumat di hujung jari – meneroka pelbagai ilmu – mematangkan fikiran – meluaskan pergaulan – serata dunia – mengembangkan bakat dan potensi – menggunakan platform di Internet – mempamerkan bakat – harus menggunakan teknologi maklumat secara bijaksana

Mutakhir ini, teknologi maklumat semakin penting dalam kehidupan remaja kerana banyak manfaatnya.

Teknologi maklumat mampu memperluas pengetahuan remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana segala maklumat berada di hujung jari. Di samping itu, teknologi maklumat juga mampu mematangkan fikiran remaja.

Mereka dapat meneroka pelbagai bidang ilmu dengan mudah. Selain itu, mereka juga boleh meluaskan pergaulan mereka dengan menjalinkan silaturahim dengan rakan-rakan dari serata dunia. Seterusnya, teknologi maklumat juga mampu mengembangkan bakat dan potensi remaja. Mereka boleh menggunakan platform di Internet untuk mempamerkan bakat mereka. Kesimpulannya, banyak manfaat penggunaan teknologi maklumat. Namun begitu, remaja haruslah memanfaatkan teknologi maklumat secara bijaksana.

PRAKTIS 2



Nota Visual
Rokok Elektronik


Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara **50 hingga 80 patah perkataan**.

Kesan Penggunaan Rokok Elektronik kepada Murid

rokok elektronik dalam kalangan murid – semakin berleluasa – ibu bapa sukar mengesannya – banyak kesan negatif – menjejaskan kesihatan – cecair rokok elektronik mengandungi nikotin – merosakkan paru-paru dan jantung – bahan perisa – ketagihan – berasa gelisah – terdedah kepada risiko kecederaan – alat rokok elektronik meletup – tidak fokus kepada pelajaran – isu ini perlu ditangani – sebelum nasi menjadi bubur

PRAKTIS 4

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara **50 hingga 80 patah perkataan.**



Kegiatan kokurikulum wajib disertai oleh murid-murid. Terdapat tiga jenis aktiviti kokurikulum, iaitu persatuan, unit beruniform, dan sukan. Aktiviti kokurikulum ini banyak manfaat kepada murid-murid. Kegiatan kokurikulum mampu meningkatkan perpaduan dalam kalangan murid. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka akan saling berinteraksi untuk menjayakan sesuatu kegiatan. Selain itu, kegiatan kokurikulum mampu melatih sikap kepimpinan dalam kalangan murid. Untuk menggerakkan aktiviti persatuan, murid-murid ini akan diberikan jawatan-jawatan yang tertentu. Di samping itu, murid-murid juga boleh menambahkan ilmu pengetahuan. Contohnya, belajar mengikat anduh dalam Persatuan Bulan Sabit Merah. Seterusnya, kegiatan kokurikulum dapat juga mengisi masa lapang murid secara berfaedah. Hal ini dapat mengelakkan mereka terlibat dalam gejala sosial. Kesimpulannya, murid-murid haruslah melibatkan diri secara aktif kerana mereka ialah tonggak masa depan negara.

BAHAGIAN » B
 **Karangan Respons Terbuka**


Praktis Ekstra
Karangan Respons
Terbuka

KUASAI Nota Pintas
Karangan Respons Terbuka

1. Dalam bahagian ini, murid dikehendaki supaya menulis karangan berdasarkan tema dan gambar yang diberikan.
2. Murid dikehendaki supaya menjawab satu daripada tiga soalan yang dikemukakan.
3. Murid dikehendaki supaya menulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.
4. Sebanyak 30 markah diperuntukkan pada bahagian penulisan karangan respon terbuka ini.
5. Untuk memperoleh markah yang cemerlang dalam karangan, terdapat beberapa kriteria yang harus diberikan penekanan oleh murid, iaitu:
 - (a) Isi yang dikemukakan bernas dan matang.
 - (b) Idea dihuraikan dengan jelas dan dapat difahami.
 - (c) Penggunaan laras bahasa yang sesuai dengan jenis dan format karangan.
 - (d) Penggunaan bahasa yang gramatis dan penggunaan kosa kata yang luas.
 - (e) Penggunaan tanda baca, ejaan, dan isi atau fakta hendaklah betul.
 - (f) Penanda wacana juga digunakan secara teratur dan tepat bagi memastikan idea disampaikan tersusun dan lancar.
6. Murid dinasihatkan supaya menjawab dalam enam perenggan yang terdiri daripada satu perenggan pendahuluan, empat perenggan isi, dan satu perenggan penutup.
7. Setiap perenggan isi perlu mempunyai ayat topik, ayat huraian, dan ayat contoh. Murid juga dinasihatkan supaya menggunakan pelbagai jenis ayat supaya karangan lebih menarik dan gramatis.
8. Kesalahan format karangan menyebabkan murid hanya mendapat markah pada peringkat kurang memuaskan sahaja, walaupun karangan tersebut layak untuk mendapat penskoran pada peringkat cemerlang.



PRAKTIS

Lihat gambar dan maklumat di bawah ini dengan teliti. Kemudian, pilih satu daripada tiga soalan yang dikemukakan dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

CINTAI & SAYANGI ALAM SEKITAR

Mengapakah rakyat Malaysia perlu memelihara alam sekitar?

- Menjamin bekalan sumber makanan
- Daya tarikan para pelancong
- Menjamin keseimbangan alam
- Dapat menyedut udara yang segar
- Mengelakkan pembiakan vektor pembawa penyakit

Elakkan
daripada
melakukan

- Pencemaran sungai
- Pembakaran terbuka
- Pembalakan haram
- Penggunaan racun dalam aktiviti pertanian

1. Pada masa ini, pencemaran sungai semakin membimbangkan masyarakat.
Bincangkan punca-punca berlakunya pencemaran sungai di Malaysia.
2. Baru-baru ini, anda sekeluarga bercuti di sebuah kawasan perkelahan yang indah dan menarik.
Tulis pengalaman anda sepanjang percutian tersebut.
3. Anda telah menyertai suatu pertandingan pidato peringkat sekolah. Tajuk pidato tersebut ialah "Kepentingan Menjaga Alam Sekitar".
Tulis teks pidato anda selengkapnya.

Sila rujuk bahagian jawapan

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

KERTAS 1 (02/1)

1 jam 30 minit

Arahān: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.**Bahagian A**

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Afnan dan Umar dari Kelas Tingkatan 2 Budi telah dikenakan tindakan disiplin kerana _____ peraturan sekolah.
 - A melawan
 - B melanggar
 - C menentang
 - D membantah

2. Encik Azam dan isterinya _____ ke pejabat yang terletak di Shah Alam dengan kereta.
 - A bolak-balik
 - B lalu-lalang
 - C mundar-mandir
 - D pindah-randah

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

3. I Mayat pemuda yang lemas itu dijumpai di kepala sungai.
II Doktor Meena sedang memeriksa kepala adik yang bengkak itu.
III Pihak polis telah memberkas kepala kumpulan samseng di bandar itu.
IV Kami tidak boleh menggunakan air paip di situ kerana kepala paipnya sudah tercabut.
 - A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja

4. I Sarah melayari laman web yang diberikan oleh gurunya untuk mengetahui kata tugas dengan lebih lanjut.
II Walaupun usia Pak Daus sudah lanjut, namun dia masih berupaya untuk melakukan kerja-kerja di kebun buahnya.

- III "Lanjut perjalanan kalian sehingga berjumpa dengan sebuah masjid lama," kata pemuda itu.
 - IV Kain yang dipakai adik lanjut sehingga mencecah lantai.
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C II dan IV sahaja
 - D III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5. Selepas menyiapkan tugasannya, Jamila membaca novel yang dia pinjam dari pusat sumber sekolah.
 - A dipinjamnya dari
 - B dipinjamnya pada
 - C dipinjamnya daripada
 - D dia pinjam dari

6. Bersempena dengan ulang tahun ke-5 Restoran Dapur Kayu, potongan harga sebanyak 20% diberikan kepada setiap pelanggannya.
 - A ulang tahun ke-5 Dapur Kayu Restoran
 - B ulangtahun ke-5 Restoran Dapur Kayu
 - C ulang tahun ke 5 Restoran Dapur Kayu
 - D ulang tahun ke-5 Restoran Dapur Kayu

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Semua peserta diminta untuk bersedia di tapak perkhemahan.
II Cikgu Hidayah mengajarkan subjek Bahasa Melayu di sekolah ini.
III Seluruh murid-murid diberikan sekotak air minuman dan sebungkus roti.
IV Kami dinasihati supaya menjaga tingkah laku semasa berada di dalam hutan itu.



11. Maksud rangkai kata *antara realiti dan mimpi* ialah
A berusaha untuk menjadi kenyataan.
B antara kenyataan dengan khayalan.
C kebebasan sebenar hanyalah mimpi.
D hanyalah angan-angan yang sukar dicapai.
12. Berdasarkan rangkap kedua sajak, bagaimanakah kedamaian dicari?
A Meluahkan perasaan tidak puas hati yang terbuku di hati
B Menyemaikan perasaan kasih sayang dalam sanubari
C Berprasangka baik terhadap setiap warga Malaysia
D Menerapkan keperibadian yang mulia dalam kalangan masyarakat Malaysia
13. Apakah harapan penyajak terhadap kemerdekaan negara yang telah dicapai?
A Hidup dalam kedamaian
B Menjadi kebanggaan generasi akan datang
C Rakyat Malaysia sentiasa mengamalkan sikap yang mulia
D Rakyat akan bersatu tenaga dan idea untuk memajukan negara
14. Antara yang berikut ialah persoalan yang terdapat dalam sajak, **kecuali**
A kedamaian timbul setelah adanya nilai kasih sayang.
B generasi yang akan datang berbangga terhadap kemerdekaan yang dicapai oleh negara.
C kedamaian hendaklah dicari kerana tidak datang dengan sendirinya
D kedamaian hendaklah diusahakan supaya negara akan beroleh kemajuan.
15. Pengajaran yang terdapat pada rangkap terakhir sajak ialah
A kita hendaklah berusaha untuk mengekalkan kedamaian.
B kita hendaklah berusaha untuk menyelesaikan krisis dengan bijak.
C kita hendaklah berusaha untuk mendapatkan kedamaian serta mengekalkan kemerdekaan negara.
D kita mestilah menjaga negara dengan baik untuk diwariskan kepada generasi akan datang.

Bahagian B

[30 markah]

1. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis** ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.
- (i) Semasa perhimpunan pagi itu, Pengetua menasihati murid-murid supaya mematuhi peraturan sekolah.
Pengetua – pengetua
- (ii) Pasukan bowling negara berjaya memenangi pingat emas dalam kejohanan dunia itu.
bowling – boling
- [2 markah]
2. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis** jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.
- (i) Aiman tidak menyangka yang dia mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajarannya ke luar negara.
yang – bahawa
- (ii) Berselera sungguh Pak Itam makan nasi berlauk udang masak lemak cili padi masakan nenek.
berlauk – berlaukkan
- [2 markah]



Bahagian C

[15 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang punca-punca kepupusan haiwan liar. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Malaysia antara negara yang mempunyai megadiversiti atau kepelbagaiannya bio. Namun begitu, sejak akhir-akhir ini, kita sering mendengar banyak haiwan liar di negara kita diancam kepupusan walaupun pelbagai kempen telah giat dijalankan. Antara haiwan liar yang diancam kepupusan tahap kritis termasuklah harimau Melaya, badak Sumatera, tenggiling, penyu, orang utan, gajah Borneo, dan tapir.

Sikap manusia yang rakus dan tidak bertimbang rasa menjadi salah satu punca utama berlakunya kepupusan hidupan liar. Antaranya ialah manusia melakukan pembukaan tanah secara besar-besaran untuk tujuan pertanian, perdagangan, dan pembangunan industri. Selain itu, pembangunan yang tidak terancang dan aktiviti pembalakan haram seperti menebang pokok yang mempunyai nilai yang tinggi dalam pasaran telah menyebabkan banyak haiwan kehilangan habitat. Apabila haiwan kehilangan habitat, haiwan-haiwan ini akan kehilangan sumber makanan dan perlindungan yang menjadi faktor utama kelangsungan hidup.

Pemburuan secara haram yang berleluasa di hutan turut menjadi faktor berlakukannya kemasuhan spesies haiwan liar. Kebanyakan pemburu haram mengambil peluang mengeksplotasi dengan memburu binatang yang boleh mendatangkan hasil yang lumayan apabila dijual dalam pasaran gelap. Banyak binatang telah diburu dan dibunuh seperti badak Sumatera kerana tanduknya. Selain itu, telur penyu giat dieksplotasi sejak berdekad lamanya sehingga populasi penyu di Malaysia kini telah mencapai tahap kritis. Kesukaran penyu untuk bertelur kerana kemasuhan kawasan tempat bertelur akibat pembangunan di sekitar pantai seperti menambak laut menyumbang terhadap populasinya yang semakin susut dari tahun ke tahun.

Akhir sekali, keadaan pencemaran yang tidak terkawal juga menyebabkan kepupusan hidupan akuatik. Hidupan akuatik seperti ikan lumba-lumba semakin pupus disebabkan oleh pencemaran air seperti tumpahan minyak di laut dan kegiatan manusia yang tidak bertanggungjawab.

Petikan membincangkan sebab-sebab haiwan liar semakin pupus di negara ini. Antara sebabnya ialah sikap manusia yang rakus dan tidak bertimbang rasa menyebabkan kepupusan hidupan liar. Selain itu, pembukaan tanah secara besar-besaran untuk tujuan pertanian, perdagangan, dan pembangunan industri turut memburukkan keadaan. Seterusnya, pembangunan yang tidak terancang dan aktiviti pembalakan haram menyebabkan banyak haiwan kehilangan habitat. Dengan itu, haiwan-haiwan liar kehilangan sumber makanan dan perlindungan yang menjadi faktor utama kelangsungan hidup. Dalam pada itu, pemburuan secara haram yang berleluasa di hutan turut menyebabkan kepupusan pelbagai spesies haiwan liar. Akhir sekali, pengeksplotasian telur penyu telah menyebabkan populasi penyu berada pada tahap kritis. Kesimpulannya, semua pihak perlu berganding bahu untuk mengatasi masalah kepupusan haiwan liar supaya hidupan ini tidak terus lenyap ditelan zaman.